

29 DEC 1999

Koh-Laporan

KOH AKAN DAPATKAN LAPORAN MENGENAI TINDAKAN DUA ADUN BEBAS

PULAU PINANG, 29 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata, beliau akan mendapatkan laporan lengkap mengenai tindakan dua wakil rakyat bebas yang mengambil tindakan keluar dari sidang Dewan Undangan Negeri di sini semalam setelah tidak terpilih untuk menganggotai jawatankuasa dewan itu.

Katanya, disebabkan beliau tidak berada dalam dewan kerana terpaksa menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur, Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi yang mengetuai penyokong kerajaan akan memberi laporan kepadanya mengenai apa yang sebenarnya berlaku.

Semalam, kedua-dua wakil rakyat bebas itu Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Lim Chien Aun (Bayan Lepas) mengambil tindakan keluar dewan sebagai protes kerana tidak terpilih menganggotai sebarang jawatankuasa dalam dewan itu.

Mereka berdua adalah bekas anggota parti Gerakan yang mengambil tindakan keluar dari parti dan mengisytiharkan diri sebagai wakil rakyat bebas setelah tidak berpuashati dengan kepimpinan Koh sebagai Ketua Menteri.

Koh memberitahu sidang media di sini, kedudukan Adun itu sebenarnya tidak diiktiraf sebagai anggota Barisan Nasional (BN), walaupun mereka mendakwa penyokong BN.

Beliau yang juga Pengerusi BN negeri berkata, dakwaan Boo Chang bahawa mereka masih wakil rakyat BN kerana bertanding atas tiket BN serta menerima watakah pencalonan dari Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah mengelirukan.

"Nama mereka berdua dicadang dan dicalonkan oleh parti Gerakan dan mereka menerima watakah dari Perdana Menteri adalah atas asas sebagai anggota parti ketika itu dan bukannya individu," kata beliau.

Koh berkata, beliau juga menerima aduan mengenai sikap seorang penyokong kerajaan, Tan Cheng Liang yang dikatakan tidak bertindak seperti seorang penyokong kerajaan dalam dewan itu.

Tan ialah anggota MCA dan Adun kawasan Jawi dikatakan bersikap seolah-olah menyokong kedua-dua Adun bebas itu dan sering menegur Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Pengurusan Lalulintas dan Pengangkutan Awam Dr Teng Hock Nan dalam persidangan dewan.

Pada perkembangan lain, Koh berkata, kerajaan negeri akan mengamalkan konsep pembangunan lestari dengan mengutamakan keseimbangan sosio-ekonomi dan alam sekitar sempena alaf baru tahun 2000.

Katanya, pertumbuhan ekonomi negeri juga dijangka meningkat ekoran pemulihan ekonomi negara sekarang dan kerajaan juga akan mengamalkan konsep pentadbiran yang telus.

Terdahulu, beliau menyampaikan sumbangan cek bernilai RM10,000 setiap satu kepada pasukan polis dan angkatan tentera di sini sebagai sumbangan kerajaan negeri sempena hari raya kepada kedua-dua pasukan keselamatan negara itu.

Sumbangan untuk polis diterima oleh Ketua Polis negeri DCP Datuk Arthur Edmonds, manakala angkatan tentera oleh Panglima 6 Briged, Datuk Sulaiman Yusof.

Majlis sumbangan itu berlangsung di pejabat Ketua Menteri di Komtar.

-- BERNAMA

AA zb